A **SHARIKAT GALIAN RAZAK SDN BHD**

lwn.

MAGICAL CAPITAL SDN BHD

B MAHKAMAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA
ARIFIN ZAKARIA KHN
RAUS SHARIF PMR
HASHIM YUSOFF HMP
ABDULL HAMID EMBONG HMP
C JEFFREY TAN HMP
[PERMOHONAN SEMAKAN NO: 08-18-01-2013]
7 OKTOBER 2013

D ***BIDANG KUASA:*** *Mahkamah Persekutuan - Semakan kehakiman - Kuasa sedia ada - Permohonan semakan keputusan Mahkamah Rayuan - Sama ada k. 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 terpakai - Sama ada Mahkamah Persekutuan boleh menyemak keputusan Mahkamah Rayuan - Sama ada satu penyalahgunaan proses mahkamah - Sama ada k. 137 boleh mengatasi pemakaian s. 96(a) Akta*
E *Mahkamah Kehakiman 1964*

Permohonan ini, untuk semakan kehakiman dalam notis usul di bawah k. 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 ('k. 137'), berbangkit berikutan penolakan rayuan pemohon oleh
F Mahkamah Rayuan. Pemohon telah merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan tuntutan responden terhadap pemohon. Rayuan pemohon ditolak oleh Mahkamah Rayuan berikutan bantahan awal responden bahawa rekod rayuan pemohon tidak lengkap kerana pemohon gagal memasukkan
G dokumen-dokumen penting dalam rekod rayuan mengikut k. 18(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994. Pemohon juga telah gagal mendapatkan kebenaran mahkamah untuk memfailkan dua rekod rayuan tambahan. Responden, dalam hujahannya, tidak menafikan bahawa Mahkamah Persekutuan mempunyai kuasa sedia
H ada untuk membuat semakan terhadap keputusannya sendiri, tetapi mempersoalkan pemakaian k. 137 untuk menyemak keputusan Mahkamah Rayuan. Sebaliknya, pemohon merujuk kepada kes *Dato' Abu Hasan Sarif v. Dato' Dr Abd Isa Ismail ('Dato' Abu Hasan Sarif')* dalam menyokong hujahannya bahawa Mahkamah
I Persekutuan boleh menyemak semula, bukan sahaja keputusannya sendiri, malah, keputusan Mahkamah Rayuan melalui permohonan di bawah k. 137. Oleh itu, isu yang perlu diputuskan adalah sama ada k. 137 boleh digunapakai untuk permohonan semakan oleh Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan mahkamah bawahan,

iaitu Mahkamah Rayuan, yang menolak rayuan pemohon disebabkan oleh ketidakpatuhan pemohon kepada prosedur Mahkamah Rayuan, tanpa mendengar merit kes.

Diputuskan (menolak permohonan pemohon dengan kos)
Oleh Arifin Zakaria KHN menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Kaedah 137 tidak memberikan sebarang bidang kuasa kepada Mahkamah Persekutuan untuk menyemak keputusannya tetapi sebaliknya, hanya memberikan pengesahan bahawa Mahkamah Persekutuan sebagai mahkamah atasan adalah dibekalkan dengan kuasa sedia ada berbeza dari bidang kuasa yang diberikan oleh perlembagaan atau statut (*Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim*; dirujuk). (perenggan 19)

(2) Dalam kes *Dato' Abu Hasan Sarif*, perhatian mahkamah tidak ditarik kepada kes *Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim ('Sia Cheng Soon')* di mana mahkamah berkemungkinan akan mencapai keputusan berlainan mengenai isu ini sekiranya *Sia Cheng Soon* dibawa kepada perhatian mahkamah. Oleh demikian, keputusan dalam kes *Dato' Abu Hasan Sarif* boleh dianggap sebagai dibuat secara *"per incuriam"* dan tidak memberi sebarang kesan ikutan kepada mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang sama. (perenggan 22)

(3) Kaedah 137 tidak boleh dilihat sebagai mengatasi atau menyekat pemakaian s. 96(a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang jelas memperuntukkan prosedur rayuan ke Mahkamah Persekutuan terhadap mana-mana keputusan Mahkamah Rayuan. Menurut seksyen tersebut, rayuan ke Mahkamah Persekutuan adalah tertakluk kepada kebenaran Mahkamah Persekutuan dan ia adalah terhad kepada persoalan undang-undang semata-mata. Oleh demikian, kebenaran untuk menggunapakai k. 137 bagi menyemak keputusan Mahkamah Rayuan akan menjurus kepada penyalahgunaan proses mahkamah. (perenggan 24 & 25)

(4) Bagi kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan, sebarang permohonan untuk semakan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan yang mempunyai bidang kuasa yang sama dengan Mahkamah Persekutuan. (perenggan 26)

A ***English*** *Translation Of Headnotes*

This application, for judicial review *vide* notice of motion under r. 137 of the Rules of the Federal Court 1995 ('r. 137'), arose from the dismissal of the applicant's appeal by the Court of
B Appeal. The applicant appealed against the decision of the High Court in allowing the respondent's claim against the applicant. The applicant's appeal was dismissed by the Court of Appeal pursuant to the preliminary objection raised by the respondent that the applicant's record of appeal was incomplete as the applicant had
C failed to include important documents in the record of appeal in accordance to r. 18(6) of the Rules of the Court of Appeal 1994. The applicant had also failed to obtain the leave of court to file two supplementary records of appeal. The respondent, in its contention, did not deny that the Federal Court is conferred with
D the inherent powers to review its own decision, but disputed the application of r. 137 to review the decision of the Court of Appeal. The applicant, on the other hand, referred to the case of *Dato' Abu Hasan Sarif v. Dato' Dr Abd Isa Ismail ('Dato' Abu Hasan Sarif')* in support of its argument that the Federal Court could
E review, not only its own decision, but also the decision of the Court of Appeal pursuant to an application under r. 137. Therefore, the issue to be determined was whether r. 137 was applicable in a judicial review application by the Federal Court against the decision of a lower court, *ie*, the Court of Appeal,
F which had dismissed the applicant's appeal on the grounds of the applicant's non-compliance to the procedures of the Court of Appeal, without hearing the merits of the case.

Held (dismissing applicant's application with costs)
G **Per Arifin Zakaria CJ delivering the judgment of the court:**

(1) Rule 137 does not confer such jurisdiction to the Federal Court to review its own decision, instead, it merely declares that this court, being the apex court, is conferred with inherent powers distinguishable from the jurisdiction conferred
H by the constitution or the statute (*Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim*; refd).

(2) In the case of *Dato' Abu Hasan Sarif*, the court's attention was not drawn to the case of *Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim ('Sia Cheng Soon')* where the
I court would have concluded differently on this issue if S*ia Cheng Soon* was brought to the court's attention. Therefore,

the decision in *Dato' Abu Hasan Sarif* could be viewed to have been decided "*per incuriam*" and did not set any precedent to the courts of co-ordinate jurisdiction.

(3) Rule 137 could not be viewed as overriding or limiting the application of s. 96(a) of the Courts of Judicature Act 1964 which clearly provides for the procedure to appeal to the Federal Court against any decision of the Court of Appeal. Pursuant to that section, the appeal to the Federal Court was governed by the leave of the Federal Court and it was limited to questions of law only. Hence, the leave for the application of r. 137 to review the decision of the Court of Appeal would result in an abuse of process of the court.

(4) For a case that was decided by the Court of Appeal, any application for review must be made to the Court of Appeal which has the same jurisdiction with that of the Federal Court.

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Abu Hasan Sarif v. Dato' Dr Abd Isa Ismail [2012] 2 CLJ 649 FC ***(dirujuk)***

Dato' See Teow Chuan & Ors v. Ooi Woon Chee & Ors and Another Appeal [2013] 4 CLJ 901 FC ***(dirujuk)***

Megat Najmuddin Dato' Seri (Dr) Megat Khas v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd [2002] 1 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***

PP v. Abdullah Idris [2009] 5 CLJ 445 CA ***(dirujuk)***

Ramanathan Chelliah v. PP [2009] 6 CLJ 55 CA ***(dirujuk)***

Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim [2008] 5 CLJ 201 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 96(a)
Rules of the Court of Appeal 1994, rr. 18(6), 102
Rules of the Federal Court 1995, r. 137

Bagi pihak pemohon - T/n Hafarizam Wan & Aisha Mubarak
Bagi pihak responden - T/n Koh & Assocs

[Rayuan dari Mahkamah Rayuan, Putrajaya; Rayuan Sivil No: B-02(NCVC)(W)-1534-07-2012]

Reported by S Barathi

A

PENGHAKIMAN

Arifin Zakaria KHN:

Pendahuluan

B **[1]** Pada 3 Disember 2012, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan pemohon (defendan dalam Mahkamah Tinggi) berikutan bantahan awal responden (plaintif dalam Mahkamah Tinggi) atas dasar rekod rayuan pemohon tidak lengkap (kegagalan peguamcara pemohon memasukkan dokumen-dokumen yang penting dalam C rekod rayuan mengikut kehendak k. 18(6) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994), dan peguamcara pemohon tidak mendapat kebenaran mahkamah untuk memfailkan dua rekod rayuan tambahan yang difailkan masing-masingnya pada 28 November 2012 dan 3 Disember 2012.

D

[2] Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan, pemohon telah memfailkan notis usul pada 9 Januari 2013 untuk suatu permohonan semakan (review application) ke mahkamah ini di bawah k. 137 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 E (k. 137), bagi menyemak keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 3 Disember 2012.

Latar Belakang Kes

[3] Pada 25 Jun 2012 Mahkamah Tinggi telah membenarkan F tuntutan responden untuk jumlah RM958,536.53 dengan kadar faedah 4% setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian dan kos. Pemohon telah merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut.

G **Prosiding Di Mahkamah Rayuan**

[4] Notis rayuan ke Mahkamah Rayuan telah difailkan pada 26 Jun 2012 oleh T/n Raja Ismail & Amril Ghazaly, bekas peguamcara pemohon. Pada prosiding di Mahkamah Rayuan, pihak H pemohon telah diwakili oleh peguamcara pemohon yang baru iaitu T/n Hafarizam Wan & Aisha Mubarak. Rekod rayuan telah difailkan oleh pemohon melalui peguamcara pemohon yang baru pada 23 Ogos 2012.

[5] Pada 19 November 2012, peguamcara responden telah I menghantar sesalinan notis kepada peguamcara pemohon menyatakan niat untuk membangkitkan bantahan awal di

Mahkamah Rayuan di atas kegagalan pihak pemohon menyediakan deraf senarai indeks rekod rayuan yang perlu diserah dan ditukar dengan peguamcara responden untuk tujuan persetujuan sebelum memfailkan rekod rayuan.

[6] Ekoran dari notis tersebut, peguamcara pemohon telah memfailkan dua rekod rayuan tambahan: yang pertama difailkan pada 28 November 2012 mengandungi dokumen-dokumen yang didakwa oleh responden tiada dalam rekod rayuan yang terdahulu; manakala yang kedua difailkan pada hari perbicaraan di Mahkamah Rayuan pada 3 Disember 2012 mengandungi transkripsi keterangan pihak responden.

[7] Dalam prosiding di Mahkamah Rayuan pada 3 Disember 2012, pihak responden telah membangkitkan bantahan awal terhadap kegagalan pihak pemohon menyediakan deraf senarai indeks rekod rayuan yang perlu diserah dan ditukar dengan peguamcara responden untuk tujuan persetujuan sebelum memfailkan rekod rayuan.

[8] Mahkamah Rayuan telah membenarkan bantahan awal responden dan rayuan pemohon telah ditolak dengan kos RM5,000 atas alasan rekod rayuan yang difailkan oleh pemohon tidak lengkap dan tiada kebenaran untuk memfailkan rekod rayuan tambahan diperolehi. Rayuan pemohon ditolak oleh Mahkamah Rayuan tanpa mendengar merit kes pemohon. Justeru, pemohon membuat permohonan semakan di Mahkamah Persekutuan melalui notis usul bertarikh 9 Januari 2013 di bawah Kaedah 137 bagi menyemak keputusan Mahkamah Rayuan.

Prosiding Di Mahkamah Persekutuan

Hujahan Pemohon

[9] Peguamcara pemohon berhujah bahawa responden tidak menyatakan apa-apa bantahan semasa pengurusan kes pada 4 September 2012 dan 25 September 2012 mengenai deraf senarai indeks rekod rayuan yang perlu diserah dan ditukar dengan responden tetapi sebaliknya niat itu hanya dinyatakan pada 19 November 2012 melalui notis oleh responden.

[10] Peguamcara pemohon seterusnya berhujah kegagalan untuk menukar deraf senarai indeks rekod rayuan adalah disebabkan pihak mereka hanya mempunyai 13 hari daripada tarikh dilantik iaitu pada 13 Ogos 2012 untuk memfailkan rekod rayuan di mana tarikh akhir memfailkan rekod rayuan adalah pada 26 Ogos 2012.

[11] Peguamcara pemohon berhujah bahawa masa adalah agak suntuk untuk membuat pemeriksaan rapi dan teliti kerana firma guaman mereka ditutup untuk cuti Hari Raya mulai 18 Ogos 2012 lebih kurang seminggu selepas perlantikan mereka sebagai peguamcara pemohon yang baru.

[12] Peguamcara pemohon juga berhujah bahawa dokumen-dokumen yang didakwa oleh responden tiada dalam rekod rayuan yang asal telahpun difailkan menerusi rekod rayuan tambahan yang difailkan pada 28 November 2012 dan 3 Disember 2012. Peguamcara pemohon berhujah bahawa walaupun kebenaran dari Mahkamah Rayuan untuk memfailkan rekod rayuan tambahan tidak diperolehi, responden tidak diprejudiskan di atas tindakan pemohon.

[13] Peguamcara pemohon berhujah bahawa Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk mengkaji semula keputusan Mahkamah Rayuan di bawah k. 137 dengan merujuk kepada autoriti *Dato' Abu Hasan Sarif v. Dato' Dr Abd Isa Ismail* [2012] 2 CLJ 649 di mana Kaedah yang sama telah digunapakai dalam permohonan ke mahkamah ini bagi membatalkan perintah penggantungan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rayuan. Dalam kes tersebut mahkamah ini memutuskan:

> As regards the jurisdiction of this court to hear the applicant's application, it is trite law that the Federal Court has the inherent power to review any order or decision given not only by the Federal Court itself, but also extends to that of the Court of Appeal. In support of this proposition we would refer to the case of *Tan Sri Eric Chia Eng Hock v. PP* (No 1) [2007] 2 MLJ 101; [2007] 1 CLJ 565 wherein Augustine Paul, FCJ, *inter alia*, at p. 126 (MLJ); 592 (CLJ) had this to say: '... Thus the Federal Court may review decisions made by the Court of Appeal in the exercise of its inherent powers.

[14] Peguamcara pemohon juga merujuk kepada kes *Megat Najmuddin Dato' Seri (Dr) Megat Khas v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd* [2002] 1 CLJ 645, sebagai autoriti bahawa kegagalan pemohon memfailkan rekod rayuan yang lengkap dan bertindak memfailkan rekod rayuan tambahan sebelum dan pada hari perbicaraan rayuan di Mahkamah Rayuan tidak mengelirukan dan memprejudiskan responden. Kesilapan pemohon boleh dipulihkan (curable) di bawah k. 102 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Megat Najmuddin Dato' Seri (Dr) Megat Khas* (*supra*), memutuskan:

> Given those factual circumstances, it would have concluded that the respondent had neither been misled nor prejudiced in any way notwithstanding the defect. There was no substantial miscarriage of justice involved. That being the position, the defect was certainly curable under r. 102 RCA. In my view, the Court of Appeal's failure to consider r. 102 has adversely affected its decision in upholding the preliminary objection of the respondent. On that basis, its decision is therefore flawed resulting in injustice to the appellant. In my view, this is a fit and proper case to invoke the inherent power of the court under r. 137 Rules of the Federal Court 1995 in preventing such injustice.

Hujahan Responden

[15] Peguamcara responden berhujah kes ini bukanlah kes yang sesuai untuk suatu permohonan semakan oleh Mahkamah Persekutuan di bawah k. 137. Menurut peguamcara responden, peguamcara pemohon telah melakukan suatu kecuaian apabila menyatakan beliau telah terlepas pandang dalam memastikan deraf senarai indeks rekod rayuan teratur (rujuk kepada perenggan 6 affidavit sokongan pemohon). Peguambela responden berhujah bahawa fakta ini perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam memutuskan notis usul pemohon.

[16] Peguam responden seterusnya menegaskan bahawa pemohon telah menyalahgunakan k. 137 untuk membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan di atas keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak rayuan pemohon. Responden berhujah bahawa permohonan semakan ini merupakan percubaan pemohon untuk mengelak s. 96 Akta Mahkamah-Mahkamah Kehakiman 1964.

Keputusan Mahkamah

[17] Oleh sebab permohonan semakan oleh Mahkamah Persekutuan ini adalah berpaksikan kepada k. 137, maka perlu diperjelaskan apakah peranan dan fungsi sebenar Kaedah ini. Kaedah tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> Rule 137 Inherent powers of the Court For the removal of doubts, it is hereby declared that nothing in these Rules shall be deemed to limit or affect the inherent powers of the Court to hear any application or to make any order as may be necessary to prevent injustice or to prevent an abuse of the process of the Court.

[18] Prinsip undang-undang mengenai kuasa sedia ada ("inherent power") mahkamah ini di bawah k. 137 adalah jelas, sepertimana diputuskan dalam kes *Dato' See Teow Chuan & Ors v. Ooi Woon Chee & Ors and Another Appeal* [2013] 4 CLJ 901:

> ... we are of the considered view that the inherent power of the Court to review its decision as declared in r. 137 is a necessary power which is inbuilt or intrinsic in the court, as the court of justice. This power may be equated to the powers of the courts to dismiss an action for want of prosecution or to the power of court to strike out any pleading or indorsement of any writ in the action under the Rules of Court 2012. This inherent power is derived from the inherent jurisdiction of the court which is to do justice and to prevent any abuse of process. This power springs not from legislation but from the nature and constitution of the court as a dispenser of justice. And this inherent power can only be taken away by express provision in any written law.

[19] Sebelum ini Mahkamah Persekutuan telah dalam kes *Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim* [2008] 5 CLJ 201, menjelaskan bahawa k. 137 tidak memberi sebarang bidang kuasa kepada Mahkamah Persekutuan untuk menyemak keputusannya tetapi sebaliknya hanya memberi pengesahan bahawa mahkamah ini sebagai mahkamah atasan adalah dibekalkan dengan kuasa sedia ada berbeza dari bidang kuasa yang diberi oleh perlembagaan atau statut. Dalam kes *Dato' See Teow Chuan & Ors v. Ooi Woon Chee & Ors and Another Appeal* (*supra*), mahkamah mengulas kes *Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim* (*supra*):

> ... in *Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim* [2008] 5 CLJ 201, there it was said that r. 137 does not confer such jurisdiction, it merely declares that this court being a court of law, by necessary implication is conferred with such inherent power, and this inherent power which is derived from the court's inherent jurisdiction must be distinguished from the jurisdiction as conferred by the constitution or by statute (statutory jurisdiction).

Samada Mahkamah Persekutuan Mempunyai Bidang Kuasa Untuk Menyemak Keputusan Mahkamah Rayuan

[20] Daripada hujahan peguamcara responden, tidak dinafikan bahawa Mahkamah Persekutuan mempunyai kuasa sedia ada untuk membuat semakan terhadap keputusannya sendiri, tetapi sebaliknya mempersoalkan pemakaian k. 137 untuk menyemak keputusan Mahkamah Rayuan.

[21] Pertama sekali, mahkamah perlu memutuskan sama ada k. 137 boleh digunapakai untuk suatu permohonan semakan oleh mahkamah ini terhadap keputusan mahkamah bawahan. Dalam kes ini, permohonan semakan dibuat terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang menolak rayuan pemohon disebabkan ketidakpatuhan pemohon kepada prosedur Mahkamah Rayuan, tanpa mendengar merit kes.

[22] Peguamcara pemohon merujuk kepada kes *Dato' Abu Hasan Sarif v. Dato' Dr Abd Isa Ismail* (*supra*), untuk menyokong hujahan bahawa mahkamah ini boleh menyemak semula bukan sahaja keputusan mahkamah ini bahkan juga Mahkamah Rayuan melalui permohonan di bawah k. 137. Malangnya dalam kes tersebut perhatian mahkamah tidak ditarik kepada kes *Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim* (*supra*) yang memutuskan bahawa k. 137 tidak bertujuan untuk memberi kuasa kepada Makamah Persekutuan bagi menyemak keputusan mahkamah bawahan. Kami percaya, sekiranya kes *Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim* (*supra*) ini dibawa kepada perhatian mahkamah dalam kes *Dato' Abu Hasan Sarif v. Dato' Dr Abd Isa Ismail* (*supra*), mahkamah berkemungkinan akan mencapai keputusan berlainan mengenai isu ini. Oleh yang demikian, keputusan dalam kes *Dato' Abu Hasan Sarif v. Dato' Dr Abd Isa Ismail* (*supra*) bolehlah dianggap sebagai dibuat secara *"per incuriam''* dan tidak memberi sebarang kesan ikutan kepada mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang sama ("coordinate jurisdiction").

[23] Dalam kes *Sia Cheng Soon & Anor v. Tengku Ismail Tengku Ibrahim* (*supra*), Mahkamah Persekutuan (Zaki Tun Azmi PCA) memutuskan:

> In other words, r. 137 of the RFC is intended to be a reminder that the Federal Court has the power to hear any application or make any order as may be necessary to prevent injustice or to prevent an abuse of the process of the "Federal Court". It is not intended to enable the Federal Court to review decisions of any other court. If there is injustice or abuse of the process of any court, then it could be corrected by way of an appeal but only to the extent allowed by the Federal Constitution and the Courts of Judicature Act 1964. Since as discussed above, cases originating in the Sessions Court must end at the Court of Appeal, then any injustice or abuse of the process of the court could only be corrected by that court as an apex court. Otherwise, the limitation of appeals intended by Parliament will never be achieved.

[24] Dalam kes yang sama, mahkamah memutuskan bahawa k. 137 tidak boleh dilihat sebagai mengatasi atau menyekat pemakaian s. 96(a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Dalam hal ini, mahkamah menyatakan:

> I do not think that r. 137 being a subsidiary legislation could be read to override s. 96(a) of the Courts of Judicature Act 1964 ... That section is clearly worded to allow the Federal Court to grant leave to appeal from any judgment or order of the Court of Appeal in respect of which the civil cause or matter has been decided by the High Court in exercise of its original jurisdiction.

[25] Sekiranya k. 137 dibenarkan untuk digunapakai bagi menyemak keputusan Makamah Rayuan, ianya akan merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah (an abuse of the court's process) memandangkan s. 96(a) Akta Mahkamah Kehakiman jelas memperuntukkan prosedur rayuan ke mahkamah ini terhadap mana-mana keputusan Mahkamah Rayuan. Mengikut seksyen tersebut, rayuan ke mahkamah ini, adalah tertakluk kepada kebenaran mahkamah ini, dan ianya adalah terhad kepada persoalan undang-undang semata-mata.

[26] Bagi kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan, sebarang permohonan untuk semakan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan yang mempunyai bidang kuasa yang sama dengan mahkamah ini. (lihat kes *Ramanathan Chelliah v. PP* [2009] 6 CLJ 55; [2009] 6 MLJ 215; *PP v. Abdullah Idris* [2009] 5 CLJ 445; [2009] 5 MLJ 192)

[27] Berdasarkan alasan-alasan di atas, kami bersetuju dengan penghujahan peguam responden, bahawa permohonan ini adalah di luar aturan dan merupakan penyalahgunaan proses kehakiman. Dengan ini permohonan pemohon adalah ditolak dengan dengan kos.